

NO SOALAN :379**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN****DEWAN RAKYAT, MALAYSIA****DARIPADA : Y.B. TUAN NGA KOR MING
(TAIPING)****PERTANYAAN : BERTULIS****Y.B. TUAN NGA KOR MING [TAIPING]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan:-

- (a) secara terperinci apakah kedudukan terkini projek jalan kereta api Pantai Timur (ECRL), berapakah jumlah kos untuk projek tersebut dan bagaimana projek tersebut memberi manfaat kepada kontraktor dan syarikat tempatan; dan
- (b) adakah projek itu dijalankan dengan tender terbuka mengikut garis panduan bank dunia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Sesi Pemeriksaan Awam (*Public Inspection*) yang merupakan satu keperluan di bawah Seksyen 84 Akta Pengangkutan Awam Darat 2010 telah dirasmikan oleh YAB Perdana Menteri pada 8 Mac 2017 yang lalu. Sesi tersebut berlangsung selama 90 hari, bermula pada 8 Mac 2017 dan berakhir pada 7 Jun 2017. Ianya dilaksanakan di 38 lokasi terpilih di Kelantan, Terengganu, Pahang dan Selangor, bertempat di pejabat-pejabat daerah termasuk ibu pejabat Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) dan MRL. Tujuan utama Sesi Pemeriksaan awam diadakan adalah bagi mempamerkan cadangan laluan kereta api dari Wakaf Bharu, Kelantan hingga Terminal Pengangkutan Bersepadu (ITT) Gombak, Selangor. Sesi tersebut juga turut mempamerkan lokasi stesen pertukaran dengan landasan sedia ada dan memberi penjelasan terperinci berkaitan projek ECRL kepada orang awam. Maklumbalas yang diperolehi mendapati bahawa sebanyak 95% responden menyokong pelaksanaan projek berimpak tinggi nasional ini.

Selain itu, pihak MRL juga telah berjaya memperoleh kelulusan muktamad Skim Kereta Api dari Suruhanjaya Awam Darat pada 23 Jun 2017 manakala kelulusan laporan EIA (*Environmental Assessment Report*) pula telah diterima dari pihak Jabatan Alam Sekitar pada 20 Jun 2017. Oleh yang demikian, proses pengambilan tanah bagi jajaran

ECRL akan dilaksanakan pada tahun 2017 dan membolehkan kerja-kerja pembinaan projek dapat dimulakan.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat,

Projek yang bernilai RM55 bilion ini memberi penekanan terhadap penglibatan kontraktor dan pekerja tempatan, penggunaan kandungan tempatan dan pemindahan teknologi. Oleh itu, kontraktor dan syarikat tempatan akan menerima manfaat langsung atau tidak langsung daripada pelaksanaan projek ECRL. Seperti yang telah dimaklumkan sebelum ini, sekurang-kurangnya 30% kontraktor dan syarikat tempatan dijangka terlibat bagi kerja-kerja sivil manakala tenaga kerja separa mahir daripada luar dihadkan kepada 500 orang setahun. Ini membolehkan peningkatan kemahiran kepada warga tempatan sekaligus menambahbaik kepakaran kontraktor-kontraktor di Malaysia.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, YAB Perdana Menteri juga menerusi lawatan rasmi delegasi Malaysia ke Republik Rakyat China pada Oktober 2016, telah membincangkan beberapa perkara bagi meningkatkan pelaburan dan juga kerjasama bilateral di antara kedua-dua kerajaan. Rundingan tersebut telah berjaya mencapai kata

sepakat supaya projek ECRL dilaksanakan sebagai inisiatif projek *Government-to-Government* antara kerajaan Malaysia dan kerajaan China yang memberi kelebihan kepada negara melalui pakej kewangan yang ditawarkan. Melalui rundingan tersebut, *China Communications Construction Company (CCCC)*, salah satu syarikat pembinaan terbesar di Republik Rakyat China telah dilantik selaku kontraktor EPCC (*Engineering, Procurement, Construction and Commissioning*) bagi projek ECRL. Walau bagaimanapun, kerajaan telah menekankan bahawa tender bagi kerja-kerja sivil perlu dibuka secara telus kepada kontraktor-kontraktor tempatan yang berkelayakan untuk bekerjasama dengan kontraktor utama supaya projek ini dapat dilaksanakan mengikut jadual, kemas dan teratur.